



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN MENGETUAI DELEGASI MALAYSIA KE HANOI, VIETNAM

HANOI, 25 APRIL 2026 – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, telah mengetuai delegasi Malaysia dalam lawatan kerja rasmi ke Hanoi, Vietnam pada 23 April 2026. Lawatan ini bertujuan memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) antara Malaysia dan Vietnam dalam bidang kerjasama pertanian, sekali gus menjadi langkah strategik dalam memperkukuh hubungan dua hala sektor pertanian dan sektor agromakanan antara kedua-dua negara. Lawatan ini turut membawa implikasi penting kepada usaha memperkukuh sekuriti makanan negara. Kerjasama strategik ini dijangka membuka ruang kepada perkongsian teknologi, pemindahan kepakaran, serta jaminan akses kepada sumber makanan yang lebih stabil dan berdaya tahan. Selain itu, ia juga berpotensi mengurangkan kebergantungan terhadap pasaran tunggal, seterusnya meningkatkan keupayaan Malaysia dalam menghadapi sebarang gangguan bekalan global pada masa hadapan.

Lawatan ini juga merupakan pertemuan sulung YB Menteri bersama Menteri Pertanian dan Alam Sekitar Vietnam yang baharu iaitu, TYT Trịnh Việt Hùng. Sesi pertemuan tersebut memberikan penekanan khusus mengenai usaha meningkatkan akses pasaran bagi produk-produk Malaysia ke Vietnam iaitu produk nilai tambah berasaskan ayam, telur cecair dipasteur, produk itik, sarang burung walit serta makanan haiwan peliharaan.

YB Menteri turut memaklumkan kepentingan pembangunan sektor perikanan mampan dengan memberi tumpuan kepada akuakultur sebagai bidang kerjasama strategik. Kerjasama ini dilihat berpotensi meletakkan Malaysia dan Vietnam sebagai peneraju di rantau ASEAN dalam mempromosikan amalan perikanan yang lestari.

Dalam konteks global, Malaysia menyatakan keprihatinan terhadap cabaran keterjaminan makanan dunia yang semakin meruncing akibat konflik antarabangsa, perubahan iklim dan ketidakstabilan ekonomi. Sehubungan itu, Malaysia berpandangan bahawa kerjasama dengan Vietnam mampu membantu mendepani

cabaran ini melalui pemodenan pertanian serta transformasi digital dalam rantai bekalan makanan.

Sebagai sebahagian daripada agenda keterjaminan makanan negara, Malaysia melihat Vietnam sebagai rakan strategik utama selaku pengeksport terbesar beras ke Malaysia dan berharap agar kerjasama erat yang sedia terjalin dapat terus menjamin harga beras yang kompetitif dan stabil bagi keperluan pasaran tempatan.

Hubungan perdagangan pertanian antara Malaysia dan Vietnam mencatatkan nilai sebanyak RM12.64 bilion bagi tempoh Januari hingga Disember 2025, meliputi eksport pelbagai produk makanan, manakala import dari Vietnam termasuk kopi, koko, teh, rempah serta barangan makanan diproses.

Di akhir pertemuan, YB Menteri telah menyampaikan jemputan rasmi kepada pihak Vietnam dan delegasi untuk menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) yang akan diadakan pada 28 Ogos hingga 6 September 2026 dengan tema "Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan".

Delegasi KPKM disertai oleh YBhg. Dato' Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan (DOF); YBhg. Datuk Dr. Mohd Hisham bin Mohd Harun, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (DVS); YBrs. Encik Shamsul Akbar bin Sulaiman, Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi; serta pegawai-pegawai kanan kementerian.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

